



04 JAN, 2026

FAMA sedia beli lebihan durian

Metro Ahad, Malaysia

Yan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasihatkan pekebun durian yang berdepan lebihan hasil supaya menjual terus kepada agensi itu bagi menstabilkan pasaran dan mengelakkan kejatuhan harga lebih serius.

Pengerusi FAMA, Datuk Aminuddin Zulkipli berkata, durian adalah komoditi mudah rosak, justeru pengurusan bekalan yang cecap amat penting bagi memastikan ekosistem pasaran durian kekal stabil dan sihat.

“Apabila bekalan meningkat, ia tidak dapat dielakkan akan memberi sedikit kesan kepada harga.

FAMA sedia beli lebihan durian

“Namun berdasarkan pemantauan FAMA, tekanan harga itu lebih tertumpu kepada durian kategori *off-grade* atau gred C manakala harga durian gred A masih kekal stabil,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan program Jualan Agro MADANI di Pasar Tani Guar Chempedak di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Aminuddin berkata, FAMA bersedia membeli lebihan durian untuk tujuan pemprosesan seperti pes durian dan tempoyak.

Katanya, agensi berkenaan mempunyai pusat pemprosesan durian di seluruh negara, termasuk sekurang-kurangnya satu kemudahan di setiap negeri, bagi menampung lebihan bekalan.

“Situasi durian tidak terjual di peringkat ladang sepatutnya tidak berlaku kerana mekanisme intervensi sudah tersedia,” katanya.

Beliau berkata, lambakan durian ketika ini didorong oleh peningkatan jumlah pengeluaran hasil daripada pertambahan bilangan pekebun, selain sumbangan daripada dusun yang berusia di bawah

10 tahun.

“Terdapat perbezaan kualiti antara dusun matang dan dusun muda, namun secara keseluruhan ia tidak memberi kesan besar kepada pasaran.

“Permintaan terhadap durian masih kuat, cuma harga terjejas sedikit bagi kategori *off-grade*,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan durian musang king, IOI, D24, udang merah dan duri hitam yang sebelum ini dijual dengan harga kayangan, kini mampu dibeli semua lapisan masyarakat apabila ditawarkan antara RM10 hingga RM15 sekilogram mengikut gred serta saiz.

Ia berikutan durian di Raub, Pahang dan Segamat, Johor gugur secara serentak dengan jumlah yang banyak berlaku sejak pertengahan bulan ini dan ia dijangka berakhir pada bulan depan.

Dalam perkembangan lain, Aminuddin berkata, program Jualan Agro MADANI terus memberi manfaat yang besar kepada pengguna melalui penawaran harga barangan pertanian yang lebih rendah.

Katanya, sebanyak 5,770 program dianjurkan di seluruh negara pada tahun lalu, melepasi sasaran awal sebanyak 5,000 penganjuran.

“Jumlah jualan keseluruhan bagi tahun 2024 pula mencecah RM162.45 juta dengan penjimatan pengguna sebanyak RM43.64 juta

“Sehingga 21 Disember lalu, nilai jualan yang direkodkan adalah RM82.34 juta dengan penjimatan pengguna sebanyak RM24.68 juta, angka itu masih belum dimuktamadkan namun trend yang ditunjukkan adalah positif dan memberangsangkan,” katanya.



04 JAN, 2026

FAMA sedia beli lebih durian

Metro Ahad, Malaysia

SUMMARIES

Yan: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasihatkan pekebun durian yang berdepan lebih hasil supaya menjual terus kepada agensi itu bagi menstabilkan pasaran dan mengelakkan kejatuhan harga lebih serius. Pengerusi FAMA, Datuk Aminuddin Zulkipli berkata, durian adalah komoditi mudah rosak, justeru pengurusan bekalan yang cekap amat penting bagi memastikan ekosistem pasaran durian kekal stabil dan sihat . “Apabila bekalan meningkat, ia tidak dapat dielakkan akan memberi sedikit kesan kepada harga.